Selain Formasi Kroh, Kumpulan Baling juga terdiri daripada Kuarzit Papulut, Tuf Lawin dan Lodak Grik. Kuarzit Papulut merupakan jujukan terbawah dan tertua di Hulu Perak dengan usia Kambrian Awal yang terdiri daripada arenit, batu kapur dan batuan kalka-silikat (Jones, 1973). Pengendapan Formasi Kroh berlaku selepas pengendapan Formasi Kuarzit Papulut yang terdiri daripada argilit hitam dan sedikit batuan berkalka. Tuf Lawin dan Lodak Grik pula hanya wujud sebagai kekanta dalam Formasi Bendang Riang yang sekarang dikenali sebagai Formasi Kroh (Foo, 1983). Tuf Lawin dan Lodak Grik (Tuf Grik-Lawin) ini terbentuk berselang lapis bersama-sama dengan formasi lain semasa proses pengendapan Kumpulan Baling yang berusia Permian Tengah (*The Malaysia-Thailand Working Group*, 2009). Tuf Grik-Lawin ini mengandungi lapisan tebal batuan piroklastik iaitu batuan klastik yang terbentuk dari bahan volkanik (Burton, 1970). Tuf Grik-Lawin ini kemudiannya

dikeluarkan daripada Kumpulan Baling dan dinaik taraf sebagai Formasi Gerik disebabkan kelimpahannya di sekitar kawasan Gerik.

Nama geografi Formasi Kroh diambil sempena nama pekan Keroh yang sekarang dikenali sebagai Pengkalan Hulu yang terletak di daerah Hulu Perak. Selain di Pengkalan Hulu, Formasi Kroh juga boleh ditemui di beberapa kawasan di Lembah Lenggong seperti di Batu Dinding, Kampung Chepor dan Bukit Bunuh. Batu kapur dan batuan metasedimen lain dikepung oleh granit yang lebih muda akibat daripada rejahan granit tersebut semasa Trias, menjadikan Formasi Kroh di Lembah Lenggong wujud sebagai sisa bumbung (Kamal Roslan *et al.*, 2012). Pengendapan Formasi Kroh ini terhenti semasa Devon Awal akibat pengangkatan sesar Bok Bak yang menyebabkan anjakan dan penghaburan semula batuan hasil proses metamorfisma.

The Malaysia-Thailand Working Group (2009) telah menyimpulkan bahawa usia Formasi Kroh ialah di antara Silur Awal hingga Devon dengan jumpaan fosil *tentaculites*, *graptolites*, *brachiopod*, dan *trilobites* serta tiada fosil berusia Ordovisi ditemukan. Batuan Formasi Kroh dijangkakan sebagai asalan kepada batuan metasedimen impak yang terdapat di Bukit Bunuh. Ini kerana batuan Formasi Kroh ini adalah merupakan batuan dasar tertua yang terdapat di Lembah Lenggong sebelum kejadian impak meteorit (Hamzah *et al.*, 2012a). Namun begitu, kajian batuan asalan ini didapati masih kekurangan bukti dan data saintifik. Kebanyakan batuan Formasi Kroh telah termetamorf rantau menjadi batuan metasedimen semasa rejahan granit Trias. Mengikut kajian terdahulu, unit batuan bagi Formasi Kroh jenis metasedimen terdiri daripada batuan syal berkarbon dan batu lumpur bersilika dengan kehadiran kekanta batu kapur berargilit. Batuan-batuan ini kemudiannya

termetamorf menghasilkan batuan jenis honfel kalka-silikat, kuarzit, pseudosparit (Burton, 1986), meta-batu pasir dan marmar (*The Malaysia-Thailand Working Group*, 2009). Kamal Roslan *et al.* (2012) pula mengatakan bahawa batuan metasedimen Formasi Kroh ini terdiri daripada kuarzit, selang lapis arenit, argilit serta batu kapur yang telah termetamorf menjadi batuan marmar. Ini menunjukkan batuan Formasi Kroh telah termetamorf sebelum termetamorf kejutan. Kuarzit dan argilit masing-masing dikatakan asalan kepada metasedimen kekuarzitan dan metasedimen keargilitan (Nur Asikin, 2013). Namun begitu, pembuktian asalan kepada metasedimen impak ini perlu dikaji dengan lebih mendalam menggunakan ciri-ciri geokimiannya. Ini kerana, kajian terdahulu oleh Nur Asikin (2013) hanya menjangkakan asalan metasedimen impak secara umum dengan menggunakan kajian petrologi sahaja.

Batuan Formasi Kroh dibahagikan kepada empat fasies iaitu fasies argilit, fasies arenit, fasies kalka-silikat dan fasies berkapur. Fasies-fasies ini telah terlipat rencam dan direjahi oleh granit semasa Trias. Fasies argilit dengan julat warna kelabu gelap hingga hitam adalah unit batuan yang mendominasi Formasi Kroh. Warna gelap ini terhasil pada batuan yang mempunyai kandungan besi sulfida dan bahan berkarbon yang tinggi (*The Malaysia-Thailand Working Group*, 2009). Fasies ini terdiri daripada rijang, syal hitam dan batu lumpur yang biasanya termetamorf kepada sabak, filit, honfel pelitik, meta-batu lumpur bersilika dan syis-kuarza-mika. Kebiasaananya, pada titik persentuhan di antara rejahan granit dan fasies ini, perlapisan argilit akan termetamorf kepada honfel kuarza-biotit. Fasies arenit pula terdiri daripada meta-batu pasir dan lapisan meta-argilit. Unit fasies ini hadir dengan lapisan tidak selanjar terutamanya dalam fasies berargilit. Fasies arenit yang dijumpai di Pekan Lenggong menunjukkan ia terluluhawa dan termetamorf tinggi

serta berwarna kemerahan. Fasies kalka-silikat yang berwarna kelabu pula terdiri daripada batu kapur yang tidak termetamorf dan honfel kalka-silikat. Batuan ini direkodkan mengandungi mineral seperti diopsid, wollastonit, zoosit, klinozoisit, khondrodit dan garnet (Jones, 1968). Honfel kalka-silikat ini dikatakan sebagai asalan kepada metasedimen kerijangan yang boleh ditemui di Lembah Lenggong (Nur Asikin, 2013). Secara umumnya, fasies ini juga dikatakan terhasil daripada metamorfisma argilit berkapur akibat rejahan granit Trias. Fasies berkapur yang berwarna putih kekelabuan pula mengandungi batuan berkapur yang kebanyakannya termetamorf menjadi marmar. Setiap fasies ini berjejari rencam di antara satu sama lain (Jones, 1970). Menurut Jones (1970), batu kapur yang terdapat di Lembah Lenggong wujud dalam skala besar sehingga membentuk topografi karst berbukit yang mengandungi morfologi gua serta wujud secara bersendirian.

Menurut Nur Asikin (2013), batuan metasedimen impak iaitu metasedimen kekuarzitan berasalan dari kuarzit Formasi Kroh. Metasedimen kerijangan pula berasalan dari honfel kalka-silikat dan batu lumpur Formasi Kroh, manakala metasedimen keargilitan berasalan dari selang lapis argilit dan arenit Formasi Kroh. Metasedimen keflinan pula dikatakan berasalan dari leburan sedimen atau granit. Walau bagaimanapun, kajian batuan asalan metasedimen impak ini masih kekurangan bukti terutamanya melalui kajian geokimia yang lebih teliti.

1.3.1(b) Granit Banjaran Bintang dan Granit Banjaran Utama

Granit Banjaran Bintang dan Banjaran Utama (Banjaran Titiwangsa) terbentuk akibat rejahan magma ke atas batuan dasar Formasi Kroh yang berlaku semasa Trias

(Hutchison, 1973). Usia ini dibuktikan melalui jumpaan fosil berusia Trias di Kedah berhampiran dengan Hulu Perak. Granit ini bersentuhan dengan Formasi Kroh, Formasi Gerik dan juga Formasi Kubang Pasu. Granit Banjaran Bintang terletak di sebelah barat, manakala granit Banjaran Utama pula di sebelah timur kawasan kajian. Kedua-dua jasad granit ini membentuk permatang dan di tengahnya ialah lembah yang menempatkan kawasan kajian, Bukit Bunuh.

Batuhan granit di kawasan berdekatan Bukit Bunuh juga didapati mengalami perubahan disebabkan impak meteorit dengan jumpaan batuan ini yang menjadi matrik kepada suevit atau metagranit (Nur Asikin, 2013). Granit Bintang didominasi oleh granit berbutir kasar dan berbutir sederhana dengan biotit sebagai mineral mafik (Kamal Roslan *et al.*, 2012). Jones (1970) juga mengatakan bahawa kedua-dua jasad granit ini mempunyai saiz butiran porfiri dan berkomposisi adamelit iaitu terdiri daripada kuarza, plagioklas, feldspar dan biotit atau honblend. Secara umumnya, granit Banjaran Bintang terdiri daripada mineral kuarza (30%), feldspar alkali (40%), plagioklas (26%), biotit (3%) serta mineral aksesori (1%) iaitu hampir sama dengan komposisi kimia Granit Banjaran Utama yang berbutir lebih kasar (Jones, 1970 & Nur Asikin, 2013). Granit Banjaran Utama menunjukkan tahap luluhawa yang lebih tinggi berbanding granit Banjaran Bintang.

1.3.1(c) Kompleks Bukit Bunuh

Kompleks Bukit Bunuh ini terbentuk akibat daripada peristiwa impak meteorit yang berlaku di kawasan Bukit Bunuh. Hasil pentarikhan menggunakan kaedah kesan belahan (*fission track*) oleh Makmal Geokronologi Japan ke atas batuan hasil impak

meteorit, suevit memberikan pentarikhan sekitar 1.83 ± 0.61 juta tahun dahulu (Mokhtar, 2012b; Mokhtar, 2010). Pentarikhan suevit ini memberikan usia Kuarerner bagi Kompleks Bukit Bunuh. Pada 13 Mei 2011, Kompleks Bukit Bunuh ini diisytiharkan sebagai unit stratigrafi baru di Lembah Lenggong oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (Mokhtar, 2012a).

Batuan dasar sebelum kawasan kajian ini ditimpa hentaman meteorit ialah batuan granit serta Formasi Kroh yang terdiri daripada siri batuan metasedimen. Impak meteorit berusia Kuarerner yang menimpa Bukit Bunuh menyebabkan batuan dasar termetamorf kejutan lalu menghasilkan batuan impaktit. Istilah impaktit ini digunakan pada batuan yang terhasil atau terubah sifatnya akibat metamorfisma kejutan impak meteorit (Hamzah *et al.*, 2012a). Kajian yang pernah dilakukan di Bukit Bunuh menunjukkan kehadiran tujuh batuan impaktit iaitu suevit (*suevite*), batuan leburan impak (*impact melt rock*), batuan breksia litik polimik (*polymictic lithic breccia*), batuan impak kuarzit (*quartzite impact rock*), batuan metasedimen impak (*impact metasedimentary rock*), batuan granit impak (*impact granite rock*) dan batuan impak kuarza atau metakuarza (*quartz impact rock*) (Hamzah *et al.*, 2012a). Menurut Kamal Roslan *et al.* (2012) pula, kawasan Bukit Bunuh mengandungi bongkah suevit, leburan impak, breksia impak litik polimik, granit impak dan metasedimen impak yang membentuk stratigrafi baru di Lembah Lenggong.

Batuan impaktit jenis metasedimen impak diberi penekanan dalam kajian ini kerana data arkeologi terdahulu, menjumpai batuan ini yang melimpah di Bukit Bunuh sebagai artifak. Ini adalah merupakan satu keunikan kerana terdapat batuan hasil impak meteorit yang dipilih oleh masyarakat Paleolitik di Bukit Bunuh untuk

dijadikan alat batu. Malah, belum ada lagi kajian saintifik secara teliti yang dijalankan ke atas batuan metasedimen impak ini, termasuklah pengelasannya yang hanya dikelaskan menggunakan ciri fizikal dan petrografi sahaja. Pengelasan metasedimen Bukit Bunuh secara umumnya dibahagi kepada (a) metasedimen kekuarzitan, (b) metasedimen kerijangan, (c) metasedimen keflinan, (d) metasedimen keakikan dan (e) metasedimen keargilitan tanpa bukti sokongan seperti geokimia.

Selain kewujudan batuan impaktit seperti bongkah suevit dan leburan impak di Bukit Bunuh, impak meteorit di kawasan kajian ini juga dibuktikan dengan menggunakan kaedah geofizik seperti kaedah graviti (Abd. Rahim *et al.*, 2012), magnetik, *electrical resistivity sounding*, VES (Umar *et al.*, 2012), 2D keberintangan dan pembiasan seismik (Rosli *et al.*, 2012a; 2012b). Kaedah-kaedah geofizik ini digunakan dalam penentuan struktur kawah (Rosli, 2016). Bukti impak lain yang didapatkan daripada batuan impaktit di Bukit Bunuh pula termasuklah jumpaan kon pecah (Zakaria *et al.*, 2012; Anizan *et al.*, 2012) iaitu bukti impak yang boleh diperhatikan secara mata kasar dengan saiz skala meso hingga makro. Selain itu, terdapat juga jumpaan bukti mikrostruktur lamela berselang seli (PDF) pada megaklasta feldspar dalam batuan granit terimpak (Zakaria *et al.*, 2012) dan pada mineral kuarza dalam batuan suevit serta leburan impak (Anizan *et al.*, 2012; Nur Asikin, 2013). Kajian terdahulu juga berjaya mendapatkan mineral polimorf tekanan tinggi melalui sampel hasil dulang yang diambil di sungai sekitar kawasan kawah. Antara mineral polimorf tekanan tinggi yang direkodkan ialah stishovit dan koesit iaitu dari mineral polimorf kuarza. Dua mineral ini adalah merupakan mineral yang kebiasaannya terhasilkan oleh tekanan impak meteorit (Wan Fuad *et al.*, 2012). Selain itu, terdapat juga bukti struktur pseudotakalit (Nur Asikin, 2013) yang

menjadi bukti kehadiran impak meteorit. Batuan leburan impak juga menunjukkan bukti impak seperti kehadiran mineral baru dengan tekstur spesifik seperti *spongy*, jejarum dan sperulit. Batuan breksia impak polimik pula menunjukkan kehadiran pecahan batuan dasar yang terubah tetapi tidak terlebur. Menurut Hamzah *et al.* (2012a) lagi, akibat impak meteorit, metasedimen impak juga telah menunjukkan kepadatan yang tinggi sehingga menghasilkan batuan menyerupai flin tetapi masih mengekalkan foliasinya. Kesemua batuan hasil impak ini menunjukkan ciri-ciri tersendiri sebagai batuan yang terhasil akibat impak meteorit.

Melalui pembuktian di atas, didapati bukti impak hanya dikaji secara mendalam oleh pengkaji terdahulu ke atas batuan impaktit seperti suevit dan leburan impak sahaja, serta kurang memberi tumpuan ke atas metasedimen impak. Ini kerana batuan impak ini menunjukkan bukti impak yang lebih ketara berbanding metasedimen impak.

1.3.1(d) Endapan Debu Toba

Letusan Toba yang berlaku di Sumatera Utara adalah merupakan letusan gunung berapi Kuarerner yang terbesar di dunia sehingga meliputi $20,000 \text{ km}^2$ (Van Bemmelen, 1949; Aldish & Ghazali, 1984). Debu Toba berkomposisi riolit ini turut tersebar di beberapa tempat di Malaysia berdasarkan lokalitinya yang berdekatan dengan sumber dan juga persamaan mineralogi dan usianya (Van Bemmelen, 1949; Stauffer *et al.*, 1980; Rose & Chesner, 1987). Selain di Perak (Scrivenor, 1930; Willbourn, 1938; Stauffer, 1970), debu Toba ini juga dikesan di Padang Terap, Kedah (Debaveye *et al.*, 1983), Pahang Timur (Richardson, 1939; Alexander, 1968) dan Selangor (Stauffer, 1971; 1973; Stauffer & Batchelor, 1978).

Pentarikhan debu Toba di Sumatera menggunakan kaedah K-Ar memberikan usia 75,000 tahun dahulu (Ninkovich *et al.*, 1978a; 1978b). Usia ini memberikan pentarikhan yang hampir sama pada debu Toba yang terdapat di Lembah Lenggong dengan usia $73,880 \pm 320$ tahun dahulu menggunakan kaedah $\text{Ar}^{40}/\text{Ar}^{39}$ melalui sampel mineral sanidin dari debu Toba (Storey *et al.*, 2012). Di Lembah Lenggong, debu toba juga dikaitkan dengan letusan Toba berdasarkan komposisi biotitnya yang serupa (Smith *et al.*, 2011). Ini berkemungkinan, Lembah Lenggong telah menerima pengendapan letusan Toba yang terakhir berdasarkan usianya yang sedikit muda. Endapan kuarterner ini tidak terkesan dengan kejadian impak disebabkan usianya yang lebih muda dan hanya hadir selepas impak meteorit. Mokhtar (2009) mengatakan bahawa taburan endapan ini berkeluasan sekitar 70 km^2 dan berketebalan sekitar 10 m. Debu toba ini juga dijumpai secara *in-situ* di tapak arkeologi Kota Tampan sehingga ketebalan lima meter (Storey *et al.*, 2012) dan juga di Bukit Jawa (Mokhtar, 2009). Malah, endapan ini dijumpai berasosiasi dengan alat batu di Kota Tampan yang menunjukkan ia mempunyai kaitan dengan kepupusan masyarakat Paleolitik pada masa tersebut (Zuraina, 2003). Menurut Nur Asikin (2013), endapan ini kurang jelas di Bukit Bunuh berkemungkinan terjejas kerana aktiviti pertanian di kawasan tersebut.

1.3.1(e) Endapan Aluvium

Endapan aluvium adalah merupakan endapan paling muda di kawasan kajian yang mempunyai sebaran meluas dari Gerik hingga ke Lembah Lenggong. Endapan Kuarterner ini dibahagikan kepada endapan kelikir dan endapan lanar (Nor Khairunnisa, 2013). Pengendapan ini terdiri daripada klasta kobel, kelikir, pasir dan


tanah liat dari Formasi Baling (Jones, 1970; Mokhtar 198f7). Menurut Ismatul Hani (2005), endapan aluvium terdiri daripada enapan pasir, lempung dan kelikir yang tak terkonsolidat hingga separa konsolidat yang biasanya dijumpai di kawasan tanah rendah di sepanjang Sungai Perak. Ini kerana, endapan aluvium ini adalah hasil daripada aktiviti Sungai Perak kuno, di mana batuan di kawasan utara mengalami luluhawa dan kemudiannya diangkut dan dimendapkan di sepanjang laluan sungai. Maka, ia termendap di kawasan lembah yang berketinggian lebih rendah seperti lembah yang terletak di antara granit Banjaran Bintang dan Banjaran Utama.

Endapan aluvium adalah unit yang paling penting kerana kebanyakan endapan ini berasosiasi dengan artifak di kawasan Lembah Lenggong terutamanya endapan kelikir. Hal ini dibuktikan dengan adanya jumpaan unit aluvium di tapak arkeologi Bukit Jawa dan Kampung Temelong yang berusia sekitar 100,000-200,000 tahun dahulu, manakala di Bukit Bunuh berusia sekitar $39,000 \pm 2,600$ dan $13,000 \pm 800$ tahun dahulu (Nur Asikin, 2013).

Peta geologi dan unit stratigrafi batuan dan pengendapan yang hadir di Lembah Lenggong masing-masing diringkaskan seperti dalam Rajah 1.2 dan Rajah 1.3.

1.3.2 Arkeologi Lembah Lenggong, Perak

Kajian arkeologi di Lembah Lenggong yang bermula pada 1917 boleh dibahagikan kepada empat fasa iaitu fasa pertama di awal abad ke-20 (1917-1938), fasa kedua di awal pertengahan abad ke-20 (1950-1954), fasa ketiga di pertengahan abad ke-20(1958-1987) dan fasa keempat di akhir abad ke-20 (1987 & hingga sekarang)



Rajah 1.2: Peta geologi kawasan Lembah Lenggong, Perak.

STRATIGRAFI HULU PERAK			
Zaman	Usia (Juta Tahun)	Litologi	Peristiwa Geologi
Kuarternari		Endapan Aluvium Endapan Debu Toba Endapan Aluvium Komplek Bukit Bunuh	+Pengendapan sedimen +Pengendapan debu toba daripada letusan gunung berapi +Pengendapan aluvium berterusan sejak awal Kuartenari +Peristiwal hentaman impak meteorit 1.83 juta tahun dahulu +Pengaktifan semula sesar Bok Bak membentuk Lembangan Lawin
Tertiar	2?		
Kapur	63	Lapisan Nenering	
Jura	145	Rumpang	
Trias	210	Granit Banjaran Utama & Banjaran Bintang	+Aktiviti rejahan granit dan berlaku pengangkatan batuan sedia ada
Perm	255	Rumpang	
Karbon	280		+Pengaktifan sesar Bok Bak
Devon	360		
Silur	415	Formasi Kroh 1. Fasies argilit 2. Fasies kalka-silikat 3. Fasies berkapur 4. Fasies arenit	
Ordovisi	465	Tuf Lawin Lodak Grik Kuarzit Papulut	
Kambrian	520	Formasi Kroh Kumpulan Baling	+Pengendapan sedimen di lembangan laut cetek
	580		

Rajah 1.3: Peta stratigrafi Hulu Perak (selepas Nur Asikin, 2013).

(Mokhtar, 1997a). Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia memulakan kajian di Lembah Lenggong, Perak pada tahun 1987. Kajian arkeologi terdahulu adalah melibatkan tapak gua (tertutup) dan tapak terbuka yang datanya diperoleh melalui kaedah jumpaan permukaan dan juga ekskavasi.

Tapak gua yang terdapat di Lembah Lenggong ialah Gua Kajang (Evans, 1918; Chia, 1997; Goh, 2008), Gua Badak (Evans & Callenfels, 1928; Chia, 1997), Gua Harimau (Williams-Hunt, 1952; Zuraina, 1988; Zolkurnian, 1989), Gua Dayak (Williams-Hunt, 1952; Chia, 1997), Gua Bukit Batu Berdinding (Matthews, 1960), Gua Gunung Runtuhan (Zuraina, 1994), Gua Gong Badak (Chia, 1997), Gua Teluk Kelawar (Zuraina, 1996; Chia, 1997; Zolkurnian, 1998; Zuraina, *et al.*, 2005), Gua Batu Tukang (Chia, 1997; Zolkurnian, 1998) Gua Mesin (Chia, 1997) dan Gua Ngaum (Zolkurnian, 1998). Tapak terbuka di Lembah Lenggong pula termasuklah Bukit Bunuh (Mokhtar, 2004a; 2006a; 2006b) iaitu tapak terbuka yang paling terkini dikaji. Bersama-sama Bukit Bunuh terdapat empat lagi tapak terbuka Paleolitik di Lembah Lenggong iaitu Kota Tampan (Zuraina & Tjia, 1988; Zuraina, 1989; Hamid, 2007), Temelong (Mokhtar, 1997a), Bukit Jawa (Zuraina, 1996; 1997) dan Lawin (Mokhtar, 1997b).

Daripada kajian tersebut, hanya Bukit Bunuh sahaja yang menunjukkan perbeaan dan kepelbagaian bahan asas dari batuan impaktit seperti metasedimen kerijangan metasedimen kekuarzitan, suevit dan metakuarza. Tapak terbuka lain pula didapati hanya menggunakan bahan asas biasa yang selalu digunakan di tapak arkeologi di Lembah Lenggong iaitu kuarzit dan kuarza serta bukan dari batuan impaktit seperti di Bukit Bunuh. Maka, hanya tapak Bukit Bunuh yang diberi lebih perhatian.

1.3.2(a) Tapak Bukit Bunuh

Bukit Bunuh adalah merupakan tapak Paleolitik terbesar di Lembah Lenggong dengan keluasan sekitar 4 km^2 (Nur Asikin, 2013). Tapak Bukit Bunuh penting

kerana merupakan satu-satunya tapak arkeologi di Lembah Lenggong yang mempunyai bahan asas dari batuan impak meteorit. Tapak Bukit Bunuh ini menempatkan bukti-bukti Paleolitik seperti tapak bengkel litik yang tidak terganggu menerusi ekskavasi Bukit Bunuh 2001-2003 (bahagian selatan) (Mokhtar, 2004a) dan ekskavasi Bukit Bunuh 2008-2010 (bahagian Barat) (Nor Khairunnisa, 2013). Pentarikhan melalui kaedah pandar kilau rangsangan optik (OSL), memberikan pentarikhan mutlak 40,000 tahun dahulu (Mokhtar, 2004a; 2006a), 270,000-320,000 tahun dahulu dan 490,000-550,000 tahun dahulu (Nor Khairunnisa, 2013). Pentarikhan ini menunjukkan bahawa kebudayaan Paleolitik di Bukit Bunuh adalah berlangsung secara berterusan iaitu lebih dari 1.83 juta tahun, 500,000 tahun dahulu, 270,000 tahun dahulu, 40,000 tahun dahulu dan 30,000 tahun dahulu (Nor Khairunnisa *et al.*, 2016). Pentarikhan 1.83 juta tahun dahulu adalah didapatkan melalui kaedah kesan belahan (*Fission Track*) oleh Makmal Geokronologi Jepun ke atas batuan impak meteorit, suevit yang mengandungi kapak genggam di dalamnya (Mokhtar, 2010).

Bahan asas dari batuan hasil impak meteorit yang digunakan di tapak ini ialah kuarza, kuarzit, rijang, flin, akik dan suevit serta bahan asas lain seperti pebel sungai (Mokhtar 2004a; 2006a; 2006b). Beberapa bahan asas dari batuan impaktit ini kemudiannya ditukar kepada penamaan metakuarza, metasedimen metakuarzit, metasedimen kerijangan, metasedimen keflinan dan metasedimen keakikan oleh Nur Asikin (2013). Namun begitu, penamaan metasedimen metakuarzit ditukar kepada metasedimen kekuarzitan memandangkan batuan metamorf tidak boleh menggunakan prefix ‘meta’ seperti yang dibincangkan dalam Bab 4. Nor Khairunnisa (2013), menyatakan bahawa kebanyakan bahan asas yang dijumpai pada

ekskavasi di Bukit Bunuh ialah daripada batuan jenis metakuarza, suevit serta metasedimen kekuarzitan dan metasedimen kerijangan. Ini menunjukkan bahawa metasedimen impak juga menjadi bahan asas pilihan oleh masyarakat Paleolitik. Namun begitu, tiada kajian teliti yang dilakukan ke atas batuan metasedimen impak oleh pengkaji terdahulu terutamanya mengenai ciri-ciri fizikal dan geokimianya yang membuatkan batuan ini menjadi bahan asas yang terkenal di tapak ini untuk dijadikan alat batu. Ini kerana, kebanyakkan kajian arkeologi terdahulu hanya menekankan jenis alat batu yang hadir, nama bahan asas dan teknologi pembuatannya sahaja. Sekiranya ciri-ciri fizikal dan geokimia bahan asas dari metasedimen impak ini diteliti, maka persoalan mengenai kelimpahan alat batu dari bahan asas ini akan terjawab.

Jadual 1.1 menunjukkan bahan asas artifak yang dijumpai pada tapak terbuka Lembah Lenggong yang menonjolkan perbezaan di antara penggunaan bahan asas Bukit Bunuh dan tapak-tapak lain di Lembah Lenggong.

Jadual 1.1: Bahan asas di tapak Paleolitik terbuka di Lembah Lenggong (Nor Khairunnisa, 2013).

Bahan Asas	Bukit Bunuh 2001-2003 (40,000 t.d)	Bukit Bunuh 2008-2010 (270,000- 550,000 t.d)	Kota Tampan (70,000 t.d)	Lawin, Temelong dan Bukit Jawa (100,000- 200,000 t.d)
Metakuarza	Ada	Ada	-	-
Metasedimen kekuarzitan	Ada	Ada	-	-
Metasedimen Kerijangan	Ada	Ada	-	-
Suevit	Ada	Ada	-	-
Kuarza	-	-	Ada	Ada
Kuarzit	-	-	Ada	Ada

1.4 ISU DAN MASALAH

Perbincangan mengenai kajian terdahulu di Bukit Bunuh, Lembah Lenggong adalah bertujuan untuk mengupas isu dan masalah yang wujud daripadanya dan seterusnya membolehkan matlamat kajian ini diutarakan dalam melengkapkan data arkeologi dan geologi Bukit Bunuh. Walaupun kajian terhadap Bukit Bunuh bermula sejak 2001 lagi, namun tidak banyak kajian berkaitan batuan hasil impak dari jenis metasedimen impak yang dilakukan secara terperinci dan saintifik. Maka, isu dan masalah yang boleh diketengahkan ialah:

- i. Kekurangan data saintifik yang menyokong pengelasan kesemua jenis metasedimen impak berserta asalannya,
- ii. Pembuktian impak meteorit Bukit Bunuh yang kurang melibatkan bukti daripada batuan metasedimen impak, dan
- iii. Maklumat mengenai ciri bahan asas dari metasedimen impak belum dikaji secara teliti walaupun bahan asas ini wujud melimpah sebagai alat batu.

1.5 TUJUAN KAJIAN

Tujuan utama kajian berdasarkan isu dan masalah yang timbul adalah untuk:


- i. Membina klasifikasi batuan jenis metasedimen impak yang terdapat di Bukit Bunuh serta pengenalpastian asal-usulnya,
- ii. Menentukan ciri fizikal dan geokimia metasedimen impak sebagai pembuktian kepada impak meteorit, dan
- iii. Mengenal pasti kaitan antara ciri-ciri metasedimen impak dengan jenis bahan asas yang digunakan oleh masyarakat Paleolitik di Bukit Bunuh.

1.6 METOD KAJIAN

Metod kajian di Bukit Bunuh, Lembah Lenggong, Perak melibatkan empat peringkat iaitu kajian kepustakaan, kajian lapangan dan pengumpulan sampel, kerja makmal dan analisis serta pengumpulan dan penafsiran data seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.4. Tiga peringkat pertama melibatkan proses mendapatkan data dan satu peringkat seterusnya merangkumi proses penulisan dan penghasilan tesis.

1.6.1 Kajian Kepustakaan

Permulaan kajian melibatkan kajian kepustakaan untuk mendapatkan rekod kajian terdahulu berkenaan Bukit Bunuh, Lembah Lenggong, Perak di mana fokus utamanya ialah batuan metasedimen impak yang terdapat di kawasan kajian. Nur Asikin (2013) merekodkan bahawa batuan ini terhasil melalui metamorfisma



Rajah 1.4: Carta metod kajian melibatkan proses mendapatkan data.

kejutan impak meteorit yang dibahagikan kepada batuan metasedimen kekuarzitan, metasedimen kerijangan, metasedimen keflinan, metasedimen keakikan dan metasedimen keargilitan berdasarkan ciri-ciri yang dilihat dari analisis petrologi. Melalui kajian ini, lokasi batuan metasedimen impak dikenal pasti secara kasar bagi membolehkan survei, pemetaan serta pengumpulan sampel dijalankan. Kajian ke atas tapak kawah impak meteorit dunia yang mengandungi metasedimen juga diteliti untuk tujuan perbandingan dengan batuan metasedimen impak di Bukit Bunuh.

Selain itu, kajian kepustakaan juga melibatkan pengenalpastian kawasan ekskavasi yang pernah dilakukan di Bukit Bunuh yang mempunyai data penggunaan metasedimen impak sebagai bahan asas di Bukit Bunuh. Hal ini juga penting bagi mengenal pasti jenis alat batu yang dihasilkan menggunakan metasedimen impak. Perbandingan bahan asas juga dilakukan dengan tapak arkeologi di Asia untuk melihat persamaan jenis penggunaan bahan asas alat batu.

1.6.2 Kajian Lapangan dan Pengumpulan Sampel

Peringkat kedua ialah kajian lapangan dan pengumpulan sampel yang melibatkan survei kawasan kajian dan pemetaan taburan batuan metasedimen impak dengan menggunakan *Global Positioning System* (GPS). Sampel batuan yang terlibat ialah batuan metasedimen kekuarzitan, metasedimen kerijangan, metasedimen keargillitan, metasedimen keflinan dan metasedimen keakikan serta batuan Formasi Kroh yang dijangkakan sebagai asalan metasedimen impak ini. Oleh kerana Bukit Bunuh dan hanya sedikit di Kampung Bor yang mengalami impak meteorit di Lembah Lenggong dan merupakan tapak yang menghasilkan metasedimen impak, maka

batuan seumpama atau seakan metasedimen impak yang terhasil melalui kitaran batuan biasa diambil untuk tujuan perbandingan mengikut keutamaan seperti batuan sejenis metasedimen kerijangan yang paling melimpah di Bukit Bunuh. Selain itu, sampel artifak dari metasedimen impak pula didapatkan melalui jumpaan permukaan dan sampel ekskavasi Bukit Bunuh 2008-2010 oleh Nor Khairunnisa (2013). Tujuannya adalah untuk melihat jenis artifak yang hadir dan peratusan penggunaan bahan asas dari metasedimen impak melalui hasil jumpaan artifak metasedimen impak semasa ekskavasi tersebut dijalankan.

1.6.3 Kerja Makmal dan Analisis

Peringkat seterusnya pula melibatkan kerja makmal dan analisis. Kerja makmal yang akan dijalankan ialah bertujuan untuk analisis ciri fizikal dan geokimia batuan. Ciri fizikal didapatkan melalui data kajian lapangan, analisis stereomikrograf, analisis petrografi dan analisis kekerasan skala Mohs. Ciri geokimia pula, didapatkan melalui analisis mikroskop elektron imbasan (SEM), analisis serakan tenaga sinar-X (EDX), analisis pendaflour sinar-X (XRF), analisis pembelauan sinar-X (XRD) dan analisis pengaktifan neutron secara instrumentasi (INAA).

1.6.3(a) Analisis Stereomikroskop

Analisis stereomikroskop ini adalah kajian awal sebelum dilakukan analisis petrografi dan SEM. Sampel batuan bersaiz sampel tangan diperhatikan di bawah stereomikroskop seperti dalam Lampiran A. Mikroskop dengan pembesaran yang rendah ini digunakan untuk melihat permukaan sampel atau keadaan dalam rongga

yang terdapat pada sampel. Kajian ini juga sangat berguna dalam menentukan bahagian sampel yang terbaik sebelum dipilih untuk analisis petrografi dan SEM. Walau bagaimanapun, pembesarannya adalah terhad.

1.6.3(b) Analisis Petrografi

Analisis petrografi dijalankan sebagai langkah pertama untuk mengenal pasti mineral secara kualitatif pada sampel dengan menggunakan keratan nipis sampel batuan, selain menentukan purata saiz butiran dan tekstur batuan tersebut. Prosedur penyediaan keratan nipis ditunjukkan seperti dalam Lampiran B. Melalui keratan nipis ini, jenis mineral dapat dikenal pasti di bawah mikroskop optik. Namun begitu analisis petrografi hanya mampu memberikan jenis mineral yang hadir tanpa dapat mengetahui peratusan kehadiran mineral tersebut secara keseluruhan dan untuk itu ia memerlukan bantuan analisis geokimia.

1.6.3(c) Analisis Pendaflour Sinar-X (XRF)

Analisis XRF merupakan teknik spektrometri sinar-X yang menggunakan prinsip pengujian elektron bagi menghasilkan sinar-X dengan tenaga yang spesifik. Analisis ini dijalankan bagi mengenal pasti unsur major dan unsur surih iaitu komposisi kimia sampel batuan serta nilai kepekatannya melalui ujian terhadap kaca terlakur dan palet tertekan dengan menggunakan mesin XRF berjenama Panalytical model Axiosmax. Analisis ini adalah bersifat kualitatif dan kuantitatif. Ujian terhadap kaca terlakur dan palet tertekan ini masing-masing menggunakan kejutuan piawai GBW 077773 Riolit dan SARM 1 Granit. Parameter analisis XRF ialah tabung sinar-X (Rh), garis sinar-

X (K- α), hablur penganalisis dan sudut 2Θ . Analisis ini tidak memusnahkan sampel yang diserbukkan kerana sinar-X tidak mencacatkan sampel yang dianalisis. Walau bagaimanapun, XRF hanya mampu mengesan nilai kepekatan sehingga bahagian per juta (ppm) sahaja. Proses penyebukan untuk XRF yang juga digunakan untuk analisis XRD ditunjukkan dalam Lampiran C. Prosedur analisis XRF pula ditunjukkan seperti dalam Lampiran D.

1.6.3(d) Analisis Belauan Sinar-X (XRD)

Analisis XRD dilakukan bagi mengenal pasti mineral yang hadir dalam metasedimen impak dengan mengenal pasti fasa berhablurnya menggunakan mesin pembelauan Bruker D8 Advance. Analisis ini penting untuk mengenal pasti bahan berhablur yang sangat halus (1-4 μm) secara kualitatif, yang sukar ditentukan mineralnya melalui analisis petrografi. Walau bagaimanapun, analisis XRD perlu sokongan analisis XRF untuk mendapatkan hasil geokimia yang lengkap. Parameter XRD melibatkan empat keadaan iaitu tabung sinar-X ($\text{Cu-K}\alpha$, $\lambda = 1.5418$), penapis (Nikel), julat pengimbasan dan halaju pengimbasan (0.008-0.08 $^{\circ}\text{}/\text{s}$). Pengukuran kejituuan XRD adalah menggunakan piawai NIST SRM 1976 (Corundum A13B73). Prosedur penyediaan sampel untuk analisis XRD ditunjukkan seperti dalam Lampiran E.

1.6.3(e) Analisis Mikroskop Elektron Imbasan (SEM)

Mesin SEM, Quanta 650 FEG ialah mikroskop yang menggunakan elektron sebagai sumber cahaya. SEM digunakan untuk meneliti permukaan sampel sehingga pembesaran imej 300,000 kali berbanding mikroskop konvensional yang hanya